

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah kesan ekonomi dari segi kerugian pendapatan negara dan jumlah kemasukan pelancong akibat kehilangan MH 370 dan kes-kes penculikan yang berlaku di Pantai Timur Sabah kepada industri pelancongan di Malaysia amnya dan di Sabah khususnya.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Peristiwa-peristiwa yang berlaku seperti kehilangan pesawat MH 370 dan kes pencerobohan di Sabah telah memberi impak kepada industri pelancongan negara. Sehingga penghujung bulan April 2014 tempahan yang dibatal atau ditangguhkan telah mencatat sebanyak **30,000 tempahan** akibat insiden MH 370 dan penculikan. Menurut laporan dari Lembaga Pelancongan Sabah sejumlah **76 penerbangan** berjadual dan sewa khas dari China telah dibatalkan seperti berikut:-

- Pembatalan penerbangan berjadual Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **10 penerbangan** oleh syarikat penerbangan MAS
- Pembatalan penerbangan berjadual Shenzen ke Kota Kinabalu sebanyak **22 penerbangan** oleh China Southern Airlines
- Pembatalan penerbangan sewa khas Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **44 penerbangan** oleh syarikat tambang murah Spring Airlines

Kerugian pendapatan pelancongan negara hanya dapat ditentukan selepas pelaksanaan kajian Departing Visitor Survey (DVS) kelak. Dalam waktu yang sama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tetap komited dalam usaha mengekalkan momentum pembangunan industri pelancongan negara dengan melaksanakan beberapa pendekatan strategik bagi memastikan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 tidak terjejas akibat insiden ini.

Sekian, terima kasih.